

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIOANAL

B/H m/s 6 Nasiona! Sabtu 10/5/25

Nasiona!

Sabtu, 10 Mei 2025 BH

Segera haramkan e-rokok

CAP dedah kanak-kanak seawal lapan tahun sudah hisap vape

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendedahkan, kanak-kanak dan pelajar seawal usia lapan tahun kini sudah terbabat dengan tabiat menghisap vape dan rokok elektronik (e-rokok).

Susulan itu, CAP menggesa semua kerajaan negeri yang belum mengharamkan penjualan vape dan e-rokok supaya segera berbuat demikian.

Tindakan itu adalah demi menyelamatkan nyawa kanak-kanak dan pelajar sekolah sebelum ia memusnahkan kehidupan mereka.

Pegawai Pendidikan CAP dan aktivis antirokok, NV Subbarow, berkata individu muda berusia daripada lapan hingga 16 tahun di negara ini sudah mengamalkan tabiat menghisap vape dan e-rokok.

Beliau berkata, ada pelajar yang menghisap vape sebelum memasuki bilik darjah dan beberapa masalah sosial sudah wujud akibat daripada pengambilannya.

"CAP kecewa dengan beberapa negeri yang masih tidak mengambil inisiatif pengharaman vape dan e-rokok berkenaan.

"Ada pelajar yang menghisap vape pada waktu pagi dan tidak mahu lagi mengambil sarapan. Sarapan bagi pelajar ini adalah cecair vape.

"Walaupun pengurusan seko-



NV Subbarow

lah mengharamkan vape di dalam kawasan masing-masing tetapi pelajar pandai membawa dan 'menyeludup' masuk," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Mengulas lanjut Subbarow berkata, CAP juga merayu pihak berkuasa yang berkenaan seperti Kementerian Kesihatan KKM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengambil tindakan lebih tegas ke atas masalah itu dalam kalangan pelajar dan mahasiswa di negara ini.

"Sultan Pahang Al-Sultan Ab-

dullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah baru-baru ini menyarankan supaya penggunaan rokok elektronik atau vape diharamkan secara sepenuhnya.

"Masalah vape ini bukan sahaja di Pahang, tetapi di seluruh negara. Diharap pemerintah negeri dan KKM akur dengan titah itu dengan segera demi menyelamatkan nyawa generasi akan datang," katanya.

Tindakan disiplin

Subbarow berkata, pihaknya juga kesal dengan video tular yang memaparkan sekumpulan pelajar sekolah di Selangor menghisap vape dalam berhampiran surau baru-baru ini.

"Mereka masih di bangku sekolah dan belum tamatkan pengajian. Jika tindakan tegas tidak di ambil, negara akan menghadapi masalah yang lebih besar dan tidak boleh diselesaikan," katanya.

Terdahulu, video berdurasi lebih satu minit itu memaparkan pelajar yang lengkap berbaju sekolah dengan bersahaja menghisap rokok elektrik atau vape di kawasan surau.

Pihak sekolah turut mengesahkan kejadian itu dan akan mengambil tindakan disiplin sewajarnya terhadap pelajar terbabit mengikut garis panduan yang ditetapkan.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

'Gubal akta khusus kawal harga ubat, khidmat di klinik swasta'

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menggubal akta khusus jika mahu mengawal harga perkhidmatan dan perubatan di kemudahan kesihatan swasta, tanpa menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Gesaan itu disuarakan persatuan doktor dan pengamal perubatan swasta yang menyifatkan profesion kesihatan memerlukan pendekatan berbeza daripada proses jual beli biasa.

Pengamal perubatan swasta, Dr Ahmad Samhan Awang, berkata penting untuk kerajaan menggubal satu Akta Perkhidmatan Kesihatan Swasta yang lebih telus, adil dan relevan.

Beliau berkata, jika mahu sistem kesihatan swasta terus hidup, kerajaan perlu membezakan di antara doktor dan peniaga kerana kegagalan itu akan menyebabkan Malaysia berdepan krisis kesihatan awam lebih besar dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Akta itu boleh berperanan khusus untuk menetapkan garis panduan harga ubat, yuran rawatan dan etika amalan perubatan.

"Dengan cara ini, Akta 723 yang secara asasnya untuk urus

Akta 723 terpakai untuk semua, tak kira darjat



Keratan akhbar BH, semalam.

niaga komersial seperti pasar raya atau kedai serbaneka tidak digunakan ke atas pengamal perubatan.

"Kami tidak menolak ketelusan atau menentang kawalan harga tetapi menolak jika profesion perubatan disamakan dengan perniagaan runcit.

"Jaga kesihatan rakyat tapi masa sama tolong jaga juga maruah dan masa depan doktor," katanya kepada BH, di sini.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, dilaporkan, berkata penguatkuasaan Akta 723 tidak memberi sebarang pengecualian terhadap mana-mana sektor perniagaan atau perkhidmatan di negara ini.

Armizan menegaskan, tidak ada sebarang klausa dalam akta

itu yang menyatakan ia terpakai kepada kategori tertentu sahaja.

Dr Ahmad Samhan juga menggesa kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas membabitkan Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, persatuan doktor, pakar farmasi dan wakil pengguna.

Beliau berkata, penubuhan jawatankuasa khas itu boleh memainkan peranan dalam menetapkan garis panduan harga ubat secara adil dan bukan dipaksa secara sebelah pihak.

"Jika mahu mengawal harga ubat, kena benarkan doktor naikan yuran rundingan. Sudah 33 tahun beku sejak 1992...tidak masuk akal," katanya.

Beliau berkata, jika penggunaan Akta 723 dilaksanakan tanpa ada penambahbaikan terhadap yuran rundingan, klinik kecil di luar bandar dan pinggir bandar dikhuatiri akan mula gulung tikar kerana tidak mampu menampung kos operasi jika ubat tidak

boleh dijual dengan margin wajar, apatah lagi yuran rundingan masih rendah.

Katanya, semangat dalam kalangan pengamal perubatan untuk membuka klinik sendiri bukan sahaja akan terkubur, malah doktor muda juga akan memilih untuk tidak ambil risiko membuka fasiliti sendiri.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM), Dr Boi Saidi Abd Razak, berkata penguatkuasaan paparan harga ubat sepatutnya dibuat mengikut Peraturan Pekeliling KKM sahaja.

Beliau berkata, ia juga perlu dilaksanakan secara pilihan oleh pemilik klinik tanpa disandarkan pada akta yang memberikan tindakan kompaun atau penjara.

"Dalam keadaan ada dua akta bertindih yang mengawal selia perkhidmatan klinik swasta akan menyebabkan kekeliruan, sekali gus membebankan pentadbiran klinik swasta," katanya.



Dr Ahmad Samhan